

## **Amalan Maṭla' al Hilal Menurut Pandangan Ahli Falak dalam Penentuan Kalendar Hijri**

*The Practice of Maṭla' al-Hilal According to Astronomical Scholars in Determining the Hijri Calendar*

Muhammad Ridzuan Hashim<sup>1</sup>  
Mohd Saiful Anwar Mohd Nawawi<sup>2</sup>  
Sa'adan Man<sup>3</sup>

### **ABSTRAK**

*Kajian kebolehnampakan anak bulan dalam satu kawasan maṭla' tertentu ini adalah salah satu proses yang mempengaruhi penentuan tarikh dalam kalendar Hijri. Proses ini secara langsung mempengaruhi amalan kalendar Hijri dan waktu pelaksanaan peristiwa penting seperti Ramadan dan perayaan Aidilfitri. Penentuan maṭla' melibatkan pemerhatian anak bulan yang tepat, dijalankan oleh pakar yang berkemahiran dalam kitaran bulan Hijri serta dilengkapi dengan alat canggih atau bergantung kepada kriteria kebolehnampakan yang telah ditetapkan. Kajian ini meneroka pandangan para sarjana astronomi Islam dari Malaysia, Indonesia, dan Brunei Darussalam dalam mengintegrasikan prinsip fiqh tradisional dengan astronomi moden dalam amalan mencerap anak bulan. Kajian ini dijalankan untuk memahami makna sebenar maṭla' yang boleh digunakan oleh negara-negara di rantau Asia Tenggara. Hasil temubual menunjukkan bahawa maṭla' MABIMS boleh digunakan sebagai instrumen penyelarasan dalam kajian berkaitan maṭla' ini.*

**Kata kunci:** maṭla', anak bulan, MABIMS, falak

### **ABSTRACT**

*Visibility of the young crescent moon in a single area of maṭla' for determining the date of the Hijri Calendar is one of the processes that influence the Hijri Calendar. This process directly influences the Hijri Calendar practices and the timing of significant events such as Ramadan and Syawal celebrations. Determining the maṭla' involves the precise observation of the young crescent moon, conducted by experts skilled in lunar cycles and equipped with established visibility criteria accordingly MABIMS criteria. This study explores the perspectives of Islamic astronomy scholars from Malaysia, Indonesia, and Brunei Darussalam on integrating traditional fiqh principles with contemporary astronomical tools in moon-sighting practices. A study was conducted to obtain the true meaning of maṭla' that can be used by countries in the Southeast Asian region. The respondents were interviewed, and the study suggests that maṭla' MABIMS can be used as a coordination instrument in the field.*

**Keywords:** maṭla', young moon crescent, MABIM, falak

## **PENDAHULUAN**

Melihat anak bulan merupakan kaedah yang telah dimulakan sejak zaman baginda Rasulullah SAW. Kaedah ini dilakukan bagi penentuan aktiviti berkaitan ibadah puasa dan hari raya. Ketika zaman baginda, tidak terdapat sebarang pertikaian dalam melihat anak bulan kerana baginda masih hidup pada zaman itu. Seterusnya praktis ini diikuti oleh para sahabat, tabiin dan tabi' tabiin sehingga kini. Kaedah melihat anak bulan ini lazimnya dilakukan pada hari ke-29 Dalam kalendar

---

<sup>1</sup> Calon Doktor Falsafah, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. readz\_ikhlas@yahoo.com.

<sup>2</sup> Profesor Madya, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. saifulanwar@um.edu.my

<sup>3</sup> Profesor Madya, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. saadan@um.edu.my

Islam. Sekiranya anak bulan kelihatan pada hari yang ke-29, maka keesokannya dikira sebagai 1 haribulan dalam kalendar Islam. Sebaliknya jika tidak kelihatan, bulan tersebut akan digenapkan menjadi 30 hari.

Di Malaysia, proses melihat anak bulan dikendalikan di bawah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Pejabat Mufti Negeri masing-masing. Cerapan anak bulan akan dilakukan pada setiap awal bulan Hijri. Seterusnya di Indonesia, yang merupakan antara negara yang mempunyai populasi penduduk Islam terbesar dunia juga melakukan proses yang sama. Indonesia memiliki 124 tempat cerapan di seluruh Indonesia<sup>4</sup>. Manakala Brunei Darussalam pula hanya mencerap pada bulan-bulan penting iaitu Ramadan Syawal dan Zulhijah dengan masing-masing lima tempat cerapan di Brunei Darussalam<sup>5</sup> manakala Singapura menggunakan kaedah hisab sepenuhnya<sup>6</sup>.

Pertemuan Tahunan Tidak Rasmi Menteri-Menteri Agama Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia, dan Republik Singapura (MABIMS) telah menetapkan penggunaan kaedah *imkān al-ru'yah* dalam sistem kalendar masing-masing.<sup>7</sup> Di Malaysia, kaedah *imkān al-ru'yah* kini digunakan secara rasmi dalam menentukan awal bulan Islam. Inovasi ini bermula daripada penggunaan kaedah kalendar istilahi (1969M–1986M) sehingga pengenalan kalendar *imkān al-ru'yah* (1995M–kini).<sup>8</sup> Di Indonesia, kerajaan juga mengaplikasikan kaedah *imkān al-ru'yah*. Berbeza dengan itu, Brunei Darussalam mengamalkan kaedah rukyah secara eksklusif untuk bulan-bulan penting seperti Ramadan, Syawal, dan Zulhijah, manakala bulan-bulan lain menggunakan kaedah hisab.<sup>9</sup> Di Singapura pula, penetapan awal bulan Islam sepenuhnya berasaskan kaedah hisab. Pelaksanaan kaedah-kaedah ini adalah hasil daripada pemahaman ilmu hisab falak di negara masing-masing, yang disesuaikan dengan justifikasi fiqah yang relevan. Selain itu ianya adalah hisab Kriteria *imkān al-ru'yah* 2021 (KIR 2021) yang dipersetujui bersama. Jadual 1.1 di bawah merumuskan kaedah-kaedah penentuan awal bulan Islam yang digunakan oleh negara anggota MABIMS.

Jadual 1.1: Ringkasan Kaedah Penentuan Awal Bulan Islam dalam Kalangan Negara Anggota MABIMS

<b>Negara Anggota</b>	<b>Kaedah Yang Digunakan</b>
1. Malaysia	Rukyah dan hisab
2. Indonesia	Rukyah dan hisab

<sup>4</sup> Kementerian Agama Republik Indonesia, “Kemenag Gelar Rukyatul Hilal Ramadan 1444 H Di 124 Lokasi,” dicapai Disember 14, 2024, <https://kemenag.go.id/nasional/kemenag-gelar-rukyatul-hilal-ramadan-1444-h-di-124-lokasi-1276b7>

<sup>5</sup> Jabatan Kehakiman Negara Pejabat Pendaftaran Mahkamah Rayuan Syariah, “Merukyah Anak Bulan Ramadan Ahad Ini,” dicapai Jun 19, 2019, [http://pelitabrunei.gov.bn/Lists/Berita 2018/NewDisplayForm.aspx?ID=20551](http://pelitabrunei.gov.bn/Lists/Berita%2018/NewDisplayForm.aspx?ID=20551).

<sup>6</sup> Helmer Aslaksen, “The Islamic Calendar in Singapore,” dicapai September 19, 2019, <http://www.math.nus.edu.sg/~mathelmr/calendar/islamic.html>.

<sup>7</sup> *imkān al-ru'yah* atau imkanurrukyah bermaksud kebolehnampakan. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, *Garis Panduan Cerapan Hilal* (Wilayah Persekutuan: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2019). Ia juga bermaksud kaedah pembentukan kalendar Islam melalui kaedah rukyah dan hisab. Ia menggunakan jangkaan kenampakan anak bulan berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan oleh jawatankuasa terlibat.

<sup>8</sup> .et.all. Mohd Saiful Anwar Mohd Nawawi, “Sejarah Kriteria Kenampakan Anak Bulan Di Malaysia,” *Jurnal Al-Tamaddun* 10, no. 2 (2015): 61–75.

<sup>9</sup> Sharifah Shazwani Syed Mohamed dan Ibnor Azli Ibrahim, “Definisi Rukyah Berdasarkan Analisis Kenampakan Hilal Ramadan Dan Syawal Di Negara Brunei Darussalam,” *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 6, no. 2 (2023).

3. Brunei Darussalam	Rukyah pada bulan-bulan penting (Ramadan, Syawal dan Zulhijah)
4. Singapura	Hisab berdasarkan KIR 2021

Untuk melengkapkan kaedah penentuan awal bulan Hijri, had sempadan perayaan antara sesebuah negara dengan negara jiran, yang dikenali sebagai *matla'* dalam perbincangan ilmu fiqh, perlu diberi perhatian. Had sempadan perayaan ini menjadi faktor penting yang perlu diteliti apabila anak bulan dilihat di sesebuah negara. Tambahan pula, keempat-empat negara anggota MABIMS berkongsi malam yang sama dan kedudukannya berdekatan antara satu sama lain. Sempadan antara negara ini termasuk dalam perbincangan *matla'* yang relevan untuk setiap negara, memastikan keseragaman dalam penentuan awal bulan Hijri.

Sempadan sesebuah negara yang boleh berhari raya bersama-sama ini adalah seperti dalam riwayat hadis Kuraib yang terdapat di dalam Kitab Sahih Muslim, Bab *Bayān Anna Likulli Baladin Ru'yatihim*, no. Hadith 1819.

أَنَّ أُمَّ الْفَضْلِ بِنْتَ الْحَارِثِ بَعَثَتْهُ إِلَى مُعَاوِيَةَ بِالشَّامِ قَالَ فَقَدِمْتُ الشَّامَ فَقَضَيْتُ حَاجَتَهَا وَاسْتَهَلَّ عَلَيَّ رَمَضَانُ وَأَنَا بِالشَّامِ فَرَأَيْتُ الْهِلَالَ لَيْلَةَ الْجُمُعَةِ ثُمَّ قَدِمْتُ الْمَدِينَةَ فِي آخِرِ الشَّهْرِ فَسَأَلَنِي عَبْدُ اللَّهِ بْنُ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا ثُمَّ ذَكَرَ الْهِلَالَ فَقَالَ مَتَى رَأَيْتُمُ الْهِلَالَ فَقُلْتُ رَأَيْنَاهُ لَيْلَةَ الْجُمُعَةِ فَقَالَ أَنْتَ رَأَيْتَهُ فَقُلْتُ نَعَمْ وَرَأَى النَّاسُ وَصَامُوا وَصَامَ مُعَاوِيَةَ فَقَالَ لَكِنَّا رَأَيْنَاهُ لَيْلَةَ السَّبْتِ فَلَا نَزَالَ نَصُومُ حَتَّى نُكْمِلَ ثَلَاثِينَ أَوْ نَرَاهُ فَقُلْتُ أَوْ لَا تَكْتَفِي بِرُؤْيَا مُعَاوِيَةَ وَصِيَامِهِ فَقَالَ لَا هَكَذَا أَمَرَنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

Terjemahan: Bahawa Ummu al-Fadhl binti al-Harith telah mengutusnyanya (Kuraib) kepada Muawiyah di Syam. Kuraib berkata: Aku telah sampai di Syam lalu aku selesaikan perkara yang ditugaskan oleh Ummu al-Fadhl. Semasa aku berada di Syam, Bulan Ramadan baru hendak masuk. Justeru aku melihat anak bulan pada malam Jumaat, kemudian aku pulang dan sampai di Madinah pada akhir bulan. Maka Abdullah bin Abbas R.A. mengingatkan aku tentang anak bulan lalu beliau bertanya kepadaku "Bila kamu (bersama penduduk Syam) melihat anak bulan?". Aku menjawab: "Kami telah melihatnya pada malam Jumaat". Ibn Abbas bertanya lagi: "Adakah engkau pun melihatnya?" Aku menjawab: "Ya, dan ia juga dilihat oleh ramai orang di sana. Mereka telah berpuasa termasuk Muawiyah". Lalu Ibn Abbas berkata: "Tetapi kami telah melihatnya pada malam Sabtu, oleh itu kami tidak berpuasa sehingga kami sempurnakan tiga puluh hari atau kami melihat sendiri anak bulan Syawal itu" Aku pun bertanya: "Tidakkah memadai dengan rukyah Muawiyah dan puasanya?" Ibn Abbas menjawab: "Tidak, demikianlah apa yang diperintahkan oleh Rasulullah SAW.

### **Pengertian *Matla'***

Menurut kamus *al-Ma'āniy*,<sup>10</sup> dalam bahasa arab perkataan *maṭla'* adalah berasal dari kalimah kata kerja *ṭala'a*. perkataan ini adalah berbentuk *ism* dan kata jamaknya ialah *al-maṭāli'*. Kamus Besar Bahasa Indonesia (KBBI) memberi pengertian daerah tempat terbit matahari, terbit fajar atau terbit bulan<sup>11</sup> manakala Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) masih lagi belum memberikan pengertian terhadap perkataan ini.

Sungguhpun perkataan *maṭla'* ini adalah dari kalimah Bahasa Arab, tetapi ianya telah digunakan secara meluas dalam perbincangan Ilmu Falak meliputi perbincangan-perbincangan di dalam jurnal, buku, dan bahan-bahan bacaan lain di dalam Bahasa Melayu khususnya dan di Alam Melayu amnya. Terdapat beberapa takrifan berkaitan *maṭla'* yang digunakan pada waktu ini. Dalam Ensiklopedia Islam edisi kedua, Brill mendefinisikan *maṭla'* sebagai titik terbit objek-objek samawi seperti bintang pada garis ufuk tempatan.<sup>12</sup> Imron Rosyadi dalam prosiding yang dibentangnya memberi maksud batas geografi berlakunya cerapan atau rukyah.<sup>13</sup> Dalam erti kata yang lain *maṭla'* ialah sempadan kawasan berdasarkan jangkauan keberhasilan mencerap hilal.<sup>14</sup>

### ***Maṭla'* Menurut Mazhab Syafi'i**

Persoalan *maṭla'* dalam Mazhab Syafi'i sangat berbeza dari mazhab-mazhab yang lain. Hal ini kerana pendapat dalam mazhab ini lebih kepada perbezaan *maṭla'* (*ikhtilāf al-maṭāli'*) berbanding kesatuan *maṭla'* (*ittihād al-maṭāli'*) seperti yang diamalkan oleh mazhab-mazhab yang lain. Hal ini kerana pendapat dalam mazhab Syafi'i lebih mengutamakan *maṭla'* dan menggariskan bahawa tiap-tiap negeri mempunyai *maṭla'*nya tersendiri dalam mencerap hilal<sup>15</sup>

Beberapa perkara telah digariskan dalam Mazhab Syafi'i ini yang boleh digunapakai dalam memahami isu *maṭla'* ini. Antaranya adalah dengan memperkenalkan beberapa kaedah untuk digunakannya dalam ruang lingkup mazhabnya. Antaranya ialah: -

- 1- **Garis Jauh dan Dekat Suatu Tempat;** garis ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu garis jauh dan garis dekat.
  - i) **Garis Jauh;** garisan jauh meliputi kawasan yang jauh antara sesuatu negeri dengan negeri yang lain dan akan mengakibatkan terdapat perbezaan *maṭla'* dengan sesuatu tempat<sup>16,17</sup>. Contohnya seperti Hijaz<sup>18</sup>, Iraq, dan Khurasan.

<sup>10</sup> "Al-Maany.com," dicapai Mei 27, 2021, <https://www.almaany.com/ar/dict/ar-ar/المطلع/>.

<sup>11</sup> "Kamus Besar Bahasa Indonesia," dicapai Mei 27, 2021, <https://kbbi.web.id/matlak>.

<sup>12</sup> E.J Brills, "Al- Maṭla'," dicapai Mei 28, 2021, [https://referenceworks.brillonline.com/entries/encyclopaedia-of-islam-2/al-matla-SIM\\_5039?s.num=2&s.f.s2\\_parent=s.f.cluster.Encyclopaedia+of+Islam&s.q=matla](https://referenceworks.brillonline.com/entries/encyclopaedia-of-islam-2/al-matla-SIM_5039?s.num=2&s.f.s2_parent=s.f.cluster.Encyclopaedia+of+Islam&s.q=matla).

<sup>13</sup> Imron Rosyadi, "Matlak Global Dan Regional (Studi Tentang Keberlakuan Rukyat Menurut Fikih Dan Astronomi)," in *Conference Proceeding Annual International Conference of Islamic Studier XII*, 2515–2517, dicapai April 22, 2021, [http://digilib.uinsby.ac.id/7545/1/Buku\\_6\\_Fix\\_2.pdf](http://digilib.uinsby.ac.id/7545/1/Buku_6_Fix_2.pdf).

<sup>14</sup> *Ibid.*

<sup>15</sup> Muḥammad °Abd al-Majīd bin Muḥammad al-Bāquwī al-Thaqāfi al-Shāfi'i, *Ru'yah al-Hilāl Wa al-Hisāb Al-Falakī Fi al-Manzūr Al-Syarī'ah* (India, n.d.), <https://www.aswajapedia.com/2023/04/rukayatul-hilal-wal-hisab-al-falaky-fi-manzuris-syariah.html>. 27

<sup>16</sup> Sayyid Aḥmad al-Athāfi al-Faqī, *Mizān al-Iktidāl Fi Thubut Ru'yah al-Hilāl* (Ṭanṭa: Dār al-Jāmi'ah al-Jadīdah, 2005). 52

<sup>17</sup> Muḥammad Idris Abd al-Rauf al-Marbawiy, *Bahr Al-Mazi Syarah Bagi Mukhtasar Ṣahih Al-Tirmizi*, j. 5 (Mesir: Matbaah Mustafa Thani wa Awladuhu, 1934). 11

<sup>18</sup> Menurut °Abdullāh bin °Abd al-Jabbār, Hijaz ialah suatu kawasan pada zaman dahulu yang berada dalam jalan perdagangan antara Yaman di sebelah selatan dan juga kawasan yang berada di sebelah utara. Di dalamnya

ii)

iii) **Garis Dekat**; garisan dekat ialah kawasan yang berada berdekatan antara suatu tempat dengan tempat yang lain. Kesemua tempat ini berada dalam satu *maṭla'*. Antara tempat-tempat tersebut ialah seperti Baghdad, Kufah, dan Qazwin.

2- **Satu iklim yang sama**; sekiranya negeri-negeri yang berada berdekatan maka hukum sabit anak bulan adalah sama. Jika jauh maka hukumnya adalah berbeza *maṭla'*. Sayyid Ahmad al-Athāfi al-Faqī dalam bukunya *Mizān al-Iktidāl Fi Thubut Ru'yah al-Hilāl* menyatakan bahawa maksud satu iklim itu ialah satu pemerintahan atau kuasa politik yang sama kerana undang-undangnya adalah sama. Sekiranya hal ini berlaku, maka mereka bolehlah berhari raya atau berpuasa bersama-sama.

3- **Masāfāt al-Qaṣr**: Sekiranya negeri-negeri berada dalam lingkungan yang dibolehkan untuk qasar solat iaitu 79 KM ke atas, maka boleh berbeza pandangan dalam isu ini. Sekiranya berada berdekatan dan kurang 79 KM maka yang lebih afdal adalah menerima *maṭla'* yang sama juga. Pendapat ini disokong oleh al-Faurani, Imam Haramain, Al-Ghazali dan selebihnya adalah pendapat ahli-ahli Khurasan.

Asas perbincangan dalam masalah *maṭla'* ini adalah bertitik tolak dari hadis Kuraib<sup>19</sup> dalam *Bāb Mā Jā'a Likulli Ahli Baladin Ru'yatuhum*<sup>20</sup>. Dalam komentar *Imām al-Tirmīzī* terhadap hadis Kuraib ini, beliau menyatakan hadis *Ibn 'Abbas* ini adalah *ḥadith ḥasan ṣaḥīḥ garīb* (حديث ابن عباس) <sup>حديث حسن صحيح غريب</sup><sup>21</sup> dan beramal dengannya dalam kalangan ahli ilmu adalah berkaitan persoalan penduduk suatu negeri melihat anak bulan.

### **Pandangan Dalam Mazhab Syafi'i**

Pendapat ini pada awalnya menunjukkan golongan salaf bersepakat terhadap pandangan ini, tetapi ianya menjadi *khilāf* selepas Imam *al-Nawāwī* menterjemahkan pandangan ini dalam syarahnya di dalam kitab *Ṣaḥīḥ Muslim* pada *Bāb Bayān Anna Likulli Baladin Ru'yatuhum, Wa Annahum Idha Ra'au al-Hilāl Bibaladin La Yathbutu Ḥukmuhu Lima Ba'uda 'Anhum*<sup>22</sup>. Imam *al-Nawāwī* berkata Hadis Kuraib daripada *Ibn 'Abbas* ini adalah dalil yang menunjukkan makna zahir untuk diterjemahkannya. Pendapat sahih dalam kalangan Mazhab kami iaitu Mazhab Syafi'i bahawa rukyah itu bukanlah meliputi kesemua manusia, tetapi dikhususkan kepada tempat yang dekat dengan kadar perjalanan yang tidak boleh mengqasarkan solat. Beliau menambah lagi mereka semua dalam radius itu mestilah bersepakat terhadap *maṭla'* tersebut dan sepakat menerima rukyah dalam iklim yang sama. Selain dari kawasan iklim yang sama adalah tidak dibenarkan. Sebahagian pandangan dalam Mazhab Syafi'i juga berpendapat hukum penerimaan umum rukyah kepada

---

terdapat negeri Mekah dan Madinah. 'Abdullāh bin 'Abd al-Jabbār, "Qisṣah al-Adāb fi al-Hijāz," dicapai 17 Julai 2023, <https://shamela.ws/book/7454>. Al-Qazwīnī pula menakrifkan Hijaz ialah sebuah kawasan antara Yaman dan juga Syam.

<sup>19</sup> Syeikh Muhammad Idris Marbawi dalam terjemahannya di dalam kita Bahrul Mazi menterjemahkan nama Kuraib adalah seorang hamba yang merdeka bagi *Ibn 'Abbas*. Muhammad Idris Abd al-Rauf al-Marbawiy, *Bahr Al-Mazi Syarah Bagi Mukhtasar Sahih Al-Tirmizi*. 23

<sup>20</sup> Abu Isa Muhammad bin Isa bin Saurah, *Sunan Al-Tirmizi*, ed. Sidqi Muhammad Jamil al-Attar, j. 2 (Beirut: Dar al-Fikr Li Attiba'ah Wa al-Nasyr Wa al-Tauziq, 1994). 161

<sup>21</sup> Abu Isa Muhammad bin Isa bin Saurah. *Bāb Mā Jā'a Likulli Ahli Baladin Ru'yatuhum. No. ḥadīth: 694*

<sup>22</sup> Ahmad bin Ḥamad Al-Khalīlī, *Ikhtilāf Al-Maṭāli 'Wa'ātharuhū 'Alā Ikhtilāf al-Aḥillah* (Oman: Maktabah al-Iftā', n.d.). 23

keseluruhan penduduk sesuatu negeri dalam masalah ini bukanlah kerana Ibnu<sup>c</sup>Abbas tidak mahu beramal dengan *khavar* Kuraib ini, tetapi mereka menolaknya kerana rukyah itu tidak disabitkan hukumnya pada orang-orang yang kejauhan<sup>23</sup>.

Imam al-Nawāwī menambah lagi pandangannya dalam kitab *Majmū<sup>c</sup> Syarḥ al Muhadzab* sekiranya anak bulan kelihatan dalam suatu negeri, dan negeri yang satu lagi tidak kelihatan maka hukumnya adalah berpuasa serentak jika negeri-negeri tersebut berada berdekatan. Jadi hukum tersebut adalah seperti satu negeri sahaja. Oleh itu lazimlah kesemua penduduk bagi kawasan itu berpuasa bersama-sama tanpa *khilāf*. Jika berada berjauhan pula, terdapat dua pendapat dalam masalah ini. Pertama yang lebih aṣaḥ ialah tidak wajib berpuasa bagi negeri yang lain. Pendapat ini dikemukakan oleh pengarang *ṣāhib al-Muhadzab Imām Syīrādhī*<sup>24</sup>, Syeikh Abu Hamid<sup>25</sup> dan al-Bandanījī<sup>26,27</sup> dan beberapa fuqaha' yang lain. Pendapat ini juga ditashihkan oleh *al-Abdari* dan *al-Rāfi'ī*. Kedua, wajib berpuasa atas negeri yang lain itu. Pendapat ini dikemukakan oleh *al-Ṣaimīrī* dan disahkan oleh *Qadhi Abū-Ṭayyib*, *al-Dārimī* dan *Abū 'Ali al-Sanji* dan lain-lain lagi.

### **Pandangan Mazhab Selain Syafi'i**

*Syeikh Ibrāhīm bin Muḥammad al-Sāsī* dalam bukunya *al-Uṣul al-Ḥasān limā Biḥī Thubuth Ṣaum Ramadhān* mengungkapkan bahawa suatu perkara yang telah terang dan tiada sembunyi lagi dalam kalangan *Mālikiyah*, *Hanāfiyah* dan *Hanābilah* dalam perbincangan fiqah mengenai isu *maṭla'* adalah tidak mengira perbezaan *maṭla'* di sisi mereka kecuali negara itu betul-betul jauh dan jelas kejauhannya seperti Khurasan dan Andalus<sup>28</sup>. Pendapat ini selari dengan penulisan *Abī 'Abdullāh Muḥammad bin 'Abd al-Rahmān al-Dimashqī* dalam bukunya, *Raḥmah al-A'immah Fī Ihtilāf Al-Ummah* yang menyatakan sekiranya anak bulan kelihatan dalam sesebuah negeri yang mencerap hilal, maka wajiblah berpuasa ke atas seluruh ahli dunia<sup>29</sup>. Kesepakatan pendapat ini menunjukkan kalangan Imam mazhab menyetujui semua penduduk dunia terlibat dalam permulaan puasa tersebut.

### **Konsep Maṭla'**

Terdapat banyak tempat dalam negara kita untuk mencerap anak bulan. Jika cerapan di tempat tersebut nampak anak bulan tersebut, maka kenampakan itu akan dikira merangkumi luas suatu kawasan sehingga sempadan geografi sesuatu tempat yang boleh beramal dengan anak bulan yang dilihat tersebut. Kenampakan anak bulan itu akan ditentukan untuk sabitan hari raya, sabitan puasa dan memulakan hari baru 1 hb dalam pengiraan Kalendar Islam. Sabitan itu diambil berdasarkan

<sup>23</sup> *Ibid.* 23

<sup>24</sup> Abu Ishāq Ibrāhīm bin 'Ali bin Yūsuf al-Syīrādhī, *Al-Muhadzab Fi Fiqh Al-Imām Al-Syāfi'i*, j. 1 (Dār al-Kutub al-Ilmiyah, n.d.), <https://shamela.ws/book/11813/371>. 329

<sup>25</sup> Beliau ialah Abu Hamid al-Isfarayaini. Nama sebenar beliau ialah Ahmad bin Muhammad bin Ahmad. Ali Jum'ah Muhammad, *Al-Madkhal Ilā Dirāsah Al-Mazāhib Al-Fiqhiyah*, c. 4 (al-Qāhirah: Dār al-Salām, 2012). 61

<sup>26</sup> Beliau ialah al-Qādhī Abū Ali al-Ḥasan bin Abdullah. Ali Jum'ah Muhammad. 58

<sup>27</sup> Muḥammad Idris Abd al-Rauf al-Marbawiy, *Bahr Al-Mazi Syarah Bagi Mukhtasar Ṣāḥih Al-Tirmizi*. 11

<sup>28</sup> Ibrāhīm bin Muḥammad al-Sāsī bin 'Amir al-Sūfi, *Al-Uṣul Al-Ḥasān Lima Biḥī Thubuth Ṣaum Ramadhān*, ed. Yasin bin Muḥammad Bahi (Algeria: Laboratory of Doctrinal and Judicial Studies University of Eloud, 2021). 107

<sup>29</sup> Abī 'Abdullāh Muḥammad bin 'Abd al-Rahmān al-Dimashqī, *Raḥmah Al-A'immah Fī Ihtilāf Al-Ummah* (Beirut: Dār al-Fikr Li Attibā'ah Wa al-Nasyr Wa al-Tauzīq, 2005). 68

kaedah-kaedah yang disepakati berdasarkan konsep *maṭla'* yang dipersetujui seperti *masāfāt al-qaṣr*<sup>30</sup>, *wilāyatul hukmi*, dan *maṭla'* global

### **i. *Maṭla' Masāfāt al-Qaṣr***

Pandangan ini diutarakan oleh beberapa ulama dalam Mazhab Syafi'i antaranya al-*Nawāwī*<sup>31</sup>, *Ibn al-Mulqin*<sup>32</sup>, *al-Khatib al-Syarbainī*<sup>33</sup> sebagai satu kawasan jauh yang boleh mengqasarkan solat<sup>34</sup>. Sekiranya terlihat anak bulan pada satu tempat, maka parameter hilal tersebut boleh menjangkau sehingga jarak yang dibenarkan qasar solat.

### **ii. *Maṭla' Wilāyah al-Ḥukmi***

Di Malaysia, istilah ini jarang digunakan tetapi di Indonesia, banyak penulisan berkaitan kalendar atau kriteria anak bulan akan menggunakan istilah ini merujuk kepada satu kawasan pemerintahan yang luas. *Maṭla'* jenis ini adalah merujuk kepada wilayah yang menggunakan sama ada kaedah hisab atau rukyah dan hasil daripada kedua-dua aktiviti tersebut digunakan sepenuhnya untuk seluruh negara atau pemerintahan<sup>35</sup>. Ruskanda ketika memberi komentar dalam bukunya tentang masalah ini menyatakan sejauh mana pun rukyah dilakukan dalam mana-mana bahagian Indonesia, maka hasilnya dianggap berlaku dalam seluruh Indonesia<sup>36</sup>. Justeru, Kementerian Agama Indonesia menggunakan *maṭla'* ini sepenuhnya di samping kriteria MABIMS dengan mengambil kira tinggi 3° dan jarak lengkung 6.4°.

### **iii. *Maṭla' Global***

Pendekatan *maṭla'* global adalah suatu kaedah keseragaman memulakan tarikh 1hb Hijri pada hari yang sama di seluruh dunia. Pendekatan *maṭla'* jenis ini adalah lambang kesatuan umat Islam di seluruh dunia<sup>37</sup>. Hal ini kerana terdapat perintah dari Nabi SAW yang bersifat umum untuk

<sup>30</sup> Adalah merujuk kepada kepada maksud 2 marhalah yang biasa digunakan oleh fuqaha berasaskan jarak 4 burud yang disebut dalam hadis, 2 marhalah = 4 burud.

<sup>31</sup> Abū Zakariya Muḥyi al-Dīn Yaḥyā Bin Syarf al-Nawāwī, *Kitāb Minhāj Al-Ṭālibīn Wa Umdatul Muftiyyīn Fi Al-Fiqh*, ed. 'Audh Qāsim Aḥmad 'Audh, c. 1 (Dar al-Fikr, 2005).74

<sup>32</sup> Sirāj al-Dīn Abū Hafṣ 'Umar bin 'Ali bin Aḥmad, *Kitāb Ajālatul Muḥtāj Ila Tauḥīd Al-Minhāj*, j. 2 (Irbid, Urdan: Dar al-Kitab, 2001).521

<sup>33</sup> Syams al-Dīn Muḥammad bin Muḥammad al-Khatīb al-Syarbainī, *Kitāb Mughnī Al-Muḥtāj Ila Makrifati Maānī Alfāz Al-Minhāj*, ed. 'Ali Muḥammad Muawwiḍh-'Adil Aḥmad 'Abd al-Maujūd, j. 2 (Dār al-Kutub al-'Ilmiyah, 1994).144

<sup>34</sup> Di Malaysia khususnya di Negeri Selangor, terdapat fatwa yang menetapkan kadar 2 Marhalah adalah tidak kurang daripada 81 kilometer. Rujuk Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor, "Pandangan Hukum Syarak; Penentuan Kadar Dua Marhalah, Qaryah Dan Balad Dari Perspektif Fiqh Semasa 2021," dicapai 5 Januari, 2022, <https://www.muftiselangor.gov.my/fatwa-personalisation/fatwa-tahunan/keputusan-fatwa-xwarta/2016/1138-pandangan-hukum-syarak-penentuan-kadar-dua-marhalah-qaryah-dan-balad-dari-perspektif-fiqh-semasa>.

<sup>35</sup> Nugroho Eko Atmanto, "Implementasi Matlak Wilayahul Ḥukmi Dalam Penentuan Awal Bulan Kamariah (Perspektif Nahdlatul Ulama Dan Muhammadiyah)," *Elfalaky: Jurnal Ilmu Falak* 1, no. 1 (2017): 45–60.

<sup>36</sup> S.Farid Ruskanda et.all, *Rukyah Dengan Teknologi: Upaya Mencari Kesamaan Pandangan Tentang Penentuan Awal Ramadhan Dan Syawal*, cet. 1 (Jakarta: Gema Insani Press, 1994).17

<sup>37</sup> Meri Fitri Yanti, "Pendapat Empat Mazhab Tentang Mathla' Dalam Penentuan Awal Bulan Hijriah" (Institut Agama Islam Negeri Raden Intan, 2017), [http://repository.radenintan.ac.id/476/1/Skripsi\\_pdf\\_TT.pdf](http://repository.radenintan.ac.id/476/1/Skripsi_pdf_TT.pdf).

keseluruhan umat Islam yang melihat anak bulan tidak kira di mana sahaja negara atau tempat yang dilihatnya<sup>38</sup>, iaitu:-

صوموا لرؤيته، وافطروا لرؤيته

Terjemahan: “*Berpuasalah kamu dengan sebab melihat anak bulan, dan berhari rayalah kamu dengan sebab melihat anak bulan*”.

(sahih Muslim:2379)

Walaupun terdapat *khitāb* umum tersebut, sebaliknya Ikrimah, Qasim bin Muhammad, Salim, Ishaq, pendapat yang sah di sisi Imam Abu Hanifah dan pendapat terpilih dari Mazhab Imam Syafi'i berhujah mengatakan walaupun penduduk dalam negara masing-masing harus melihat anak bulan, tetapi mereka tidak diwajibkan untuk berpuasa apabila rakyat negara lain melihatnya<sup>39</sup>. Hal ini kerana terdapat riwayat hadis dari Kuraib seperti yang dikemukakan sebelum ini.

## **Amalan Maṭla' di Negara-Negara MABIMS**

### **i. Malaysia**

Malaysia merupakan sebuah negara persekutuan yang terletak di Asia Tenggara. Malaysia mempunyai dua kawasan utama yang terpisah oleh Laut China Selatan iaitu Semenanjung Malaysia (bersempadankan Thailand di utara dan Singapura di selatan) dan Malaysia Timur (bahagian utara Pulau Borneo yang bersempadan dengan Indonesia di selatan dan Brunei di utara). Malaysia terletak berhampiran dengan garisan Khatulistiwa iaitu pada Latitud 1° dan 7° Utara dan Garisan Longitud 100° dan 119° Timur. Keluasan Malaysia meliputi 330,534 km<sup>2</sup><sup>40</sup>. Malaysia mengalami cuaca yang panas dan lembap sepanjang tahun. Purata suhu harian di seluruh Malaysia ialah antara 21°C hingga 32°C. Lazimnya, iklim Malaysia dipengaruhi oleh angin yang bertiup dari Lautan Hindi (Angin Monsun Barat Daya-Mei hingga September) dan Laut China Selatan (Angin Monsun Timur Laut-November hingga Mac). Hujan tahunannya adalah 80 peratus setahun iaitu antara 2000mm hingga 2500mm<sup>41</sup>.

Secara amnya, wilayah Malaysia yang berkeluasan 330,534 KM ini akan terdapat tanda sempadan paling hujung antara barat dan timur. Dalam aktiviti cerapan anak bulan, satu tanda telah ditanda oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia atau dikenali sebagai JUPEM sebagai titik paling barat dan titik paling timur. Titik paling timur bagi negara Malaysia ialah di Tanjung Atiamu, Daerah Lahad Datu, Sabah. Kedudukan koordinat titik paling timur ini boleh dicapai pada kedudukan 5 darjah 16' 55" U dan 119 darjah 15' 15 T.<sup>42</sup> Pada 25 Julai 2022 bersamaan 25 Zulhijah 1444H, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Aminul Karim Sultan Sallehuddin Ibni Al-Marhum Sultan Badlishah telah berkenan mengisytiharkan Pulau Perak Sebagai titik rujukan paling barat

<sup>38</sup> al-Sayyid Sabiq, *Fiqh al-Sunnah*, cet. 5 (Beirut: Dar al-Fikr Li Attiba'ah Wa al Nasyr Wa al Tauziq, 1971). 368

<sup>39</sup> *Ibid.* 368

<sup>40</sup> Jabatan Penerangan Malaysia, “Malaysia 2017,” dicapai 24 Mac 2024, [https://dbook.penerangan.gov.my/dbook/dmdocuments/malaysia\\_2017/files/basic-html/page64.html](https://dbook.penerangan.gov.my/dbook/dmdocuments/malaysia_2017/files/basic-html/page64.html).

<sup>41</sup> *Ibid.*

<sup>42</sup> Berita Harian, “Titik Rujukan Takwim Dinama Tanjung Atiam,” dicapai 24 Mac 2024, <https://www.jupem.gov.my/v1/wp-content/uploads/2016/07/berita-harian13.06.05b6titik-rujukan-taqwim-dinama-tanjud.pdf>.



di Malaysia bagi hitungan kalendar Hijri. Titik rujukan baharu ini terletak dalam Daerah Yan, Kedah adalah bagi menggantikan titik rujukan paling barat sedia ada iaitu Tanjung Chinchin, Pulau Langkawi, Kedah<sup>43</sup>.

Pertukaran titik rujukan ini membuka peluang kepada penggiat astronomi dan falak membuat kajian lanjutan berkaitan titik rujukan seterusnya mengesahkan dapatan baru dalam kajian berkaitan kalendar Hijri di rantau ini. Menurut Azhari Mohamed, penggunaan titik ini adalah sebagai rujukan kiraan dalam penentuan kalendar Islam bagi kaedah hisab<sup>44</sup>, manakala bagi kaedah rukyah masih digunakan 29 titik cerapan anak bulan seluruh negara. Pertukaran titik rujukan juga akan memberi kesan kenampakan anak bulan akan lebih tinggi sekiranya berada di kawasan lebih barat.

## **ii. Indonesia**

Indonesia adalah sebuah negara demokratik yang mempunyai penduduk Islam terbesar di dunia. Majoriti penduduk Islam terbanyak ini sudah dimaklumi antara negara anggota MABIMS. Ia merupakan sebuah negara kepulauan yang terdiri daripada pelbagai wilayah dengan kepelbagaian budaya dan agama. Dalam konteks penentuan awal bulan Hijri, negara ini menggunakan konsep *maṭla' wilāyah al-ḥukmi* dan pelaksanaan rukyah di setiap wilayahnya. *Maṭla' wilāyah al-ḥukmi* merujuk kepada penentuan awal bulan berdasarkan cerapan anak bulan di kawasan tertentu. Setiap wilayah di Indonesia menjalankan rukyah secara sendiri dan menggunakan data cerapan tersebut untuk menentukan awal bulan Hijri bagi kawasan masing-masing. Ini bermakna, penentuan awal bulan di Indonesia tidak bergantung kepada cerapan di satu lokasi sahaja, tetapi mengambil kira cerapan di pelbagai lokasi di seluruh negara.

Setiap wilayah di Indonesia mempunyai pasukan cerapan anak bulan yang bertanggungjawab untuk melakukan rukyah. Pasukan ini terdiri daripada ahli falak, ulama, dan pegawai agama yang berkompeteren dalam menjalankan tugas ini. Data cerapan yang diperolehi kemudian akan disampaikan kepada pihak berkuasa agama untuk pengesahan dan pengumuman rasmi. Penggunaan *maṭla' wilāyah al-ḥukmi* ini penting kerana Indonesia mempunyai wilayah geografi yang luas dan keadaan cuaca yang berbeza-beza antara satu wilayah dengan wilayah yang lain. Dengan menggunakan konsep *maṭla' wilāyah al-ḥukmi*, setiap wilayah dapat menentukan awal bulan Islam secara lebih tepat dan relevan dengan keadaan setempat. Dalam usaha memastikan ketepatan penentuan awal bulan Islam, Indonesia menggunakan konsep *maṭla' wilāyah al-ḥukmi* dan pelaksanaan rukyah di setiap wilayah. Pendekatan ini bukan sahaja menghormati kepelbagaian geografi dan budaya di negara ini, tetapi juga memastikan setiap umat Islam di Indonesia dapat menjalankan ibadah mereka dengan lebih yakin dan tepat. Penggunaan

---

<sup>43</sup> Bahagian Penyelidikan Jakim, "Majlis Perasmian Pengisytiharan Pulau Perak Sebagai Titik Rujukan Paling Barat Malaysia Bagi Hitungan Kalendar Islam & Pelancaran Bulan Falak Malaysia," dicapai 24 Mac 2024, <https://www.islam.gov.my/ms/berita/3260-majlis-perasmian-pengisytiharan-pulau-perak-sebagai-titik-rujukan-paling-barat-malaysia-bagi-hitungan-kalendar-islam-pelancaran-bulan-falak-malaysia>.

<sup>44</sup> Azhari Mohamed berkata bahawa titik rujukan untuk kalendar Islam di Malaysia dihitung berdasarkan ketinggian anak bulan di titik paling Barat ini. Dengan mengetahui kedudukan anak bulan tersebut, maka kalendar Islam dapat dirangka dengan lebih teratur merujuk kepada kriteria 3,6.4 Mabims. Titik rujukan ini adalah untuk keperluan hisab falak. Rujuk Azhari bin Mohamed, "Bagaimana Tarikh Awal Puasa Dan Raya Ditentukan Di Malaysia Dalam Program Hari Juruukur Sedunia @GSD 2024," dicapai 24 Mac 2024, <https://www.facebook.com/100064894711892/videos/426236393219064>.

*maṭla' wilāyah al-hukmi* telah dinyatakan oleh temu bual bersama Slamet Hambali<sup>45</sup>, Ahmad Syifaul Anam<sup>46</sup>, Ismail Fahmi<sup>47</sup>, Thomas Djamaluddin<sup>48</sup>, dan Ma'rufin Sudiby<sup>49</sup>.

### iii. Brunei Darussalam

Brunei Darussalam adalah sebuah negara yang mengamalkan rukyah pada tiga bulan utama iaitu Ramadan Syawal dan Zulhijah. Pada bulan-bulan lain tidak rukyah<sup>50</sup>. Kaedah ini adalah berdasarkan fatwa yang dikeluarkan oleh YDP Dato Seri Maharaja Dato Seri Utama Haji Awang Ismail bin Omar Abd. iaitu Mufti Negara Brunei Darussalam seperti berikut :

*Hadith-hadith berkenaan memulakan puasa dan berbuka terlalu banyak, maka hadith-hadith itu menerangkan wajib berpuasa dan berbuka digantungkan Allah pada melihat anak bulan, tidak digantungkan pada anak bulan atau pada ilmu hisab, ilmu falak, ditegah mendahului bulan, berpuasa sebelum melihat anak bulan, ditegah menyerbu bulan puasa dengan semena-mena tanpa dengan tiada melihat anak bulan atau tiada menyempurnakan bilangan 30 hari, ditegah menyerbu berbuka puasa melihat anak bulan Syawal, atau menyempurnakan bilangan bulan Ramadan 30 hari, inilah qawl yang betul sehingga Imam Ibn Hajar RA berkata : Oleh sebab benar dan sah hadith-hadith itu dan banyak rawinya pada berpuasa dan berbuka puasa dengan syarat melihat anak bulan atau menyempurnakan bilangan 30 hari tiadalah harus bertaklid pada Imam Ahmad<sup>51</sup>*

Berdasarkan fatwa yang dikeluarkan oleh mantan mufti ini maka negara Brunei Darussalam adalah selari dengan aliran jumhur Mazhab Syafi'i berpegang kepada kaedah rukyah bagi penentuan awal bulan bagi bulan-bulan Hijri khususnya bulan rasmi iaitu Ramadan, Syawal dan Zulhijah. Manakala dalam isu *maṭla'*, Brunei hanya menggunakan *maṭla'* negaranya dan tidak mengikut *maṭla'* negara lain walaupun dalam satu *maṭla'* seperti Indonesia dan Malaysia. Namun begitu negara Brunei Darussalam meletakkan satu kawasan rujukan *maṭla'* iaitu di Bukit Agok kerana lokasinya yang berada di tengah-tengah negara<sup>52</sup>. Pelaksanaan *maṭla'* di negara Brunei tertakluk di bawah autoriti yang diputuskan dalam Fatwa Mufti Kerajaan pada tahun 1997 yang telah difatwakan oleh Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam (Fatwa Mufti Kerajaan 1997).

Proses cerapan anak bulan bagi bulan-bulan rasmi dilakukan oleh beberapa agensi utama kerajaan seperti Jabatan Ukur Brunei, Jabatan Mufti Kerajaan Brunei, Kementerian Hal Ehwal Ugama, dan Mahkamah Syariah Brunei. Dalam proses cerapan, kuasa telah diberikan kepada hakim-hakim Mahkamah Rendah Syariah sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah penggal 184 di bawah bab 29 iaitu penentuan dan pengesahan

<sup>45</sup> Slamet Hambali, Pengajar Falak di Universitas Islam Negeri (UIN) Walisongo (2023).

<sup>46</sup> Ahmad Syifaul Anam, (Kepala Planetarium dan Observatorium UIN Walisongo) (2023).

<sup>47</sup> KH. Ismail Fahmi, Kasubdit Hisab Rukyat, Kemenag RI (2023).

<sup>48</sup> Thomas Djamaluddin, Profesor Riset Astronomi dan Astrofisika Badan Riset dan Inovasi Nasional (BRIN), Indonesia (2023).

<sup>49</sup> Ma'rufin Sudiby, Wakil Sekretaris LF PBNU (2023).

<sup>50</sup> Awang Haji Khairul Abidin bin Haji Sulaiman, Juruukur di Bahagian Geodetik, Kementerian Pembangunan Brunei (2024).

<sup>51</sup> Sharifah Shazwani Syed Mohamed dan Ibnor Azli Ibrahim, "Definisi Rukyah Berdasarkan Analisis Kenampakan Hilal Ramadan Dan Syawal Di Negara Brunei Darussalam."

<sup>52</sup> Op.cit.

anak bulan. Mereka yang terlibat dalam kuasa penentuan dan pengesahan anak bulan kebiasaannya mempunyai pengetahuan dalam bidang Fiqh dan ilmu Falak. Manakala Jabatan Ukur iaitu Bahagian Geodetik, Unit Astronomi terlibat dalam kerja-kerja teknikal sepanjang proses cerapan anak bulan Ramadan, Syawal dan Zulhijah dilakukan. Keputusan hasil cerapan anak bulan samada kelihatan atau tidak kelihatan akan dilaporkan oleh Ketua Hakim Syarie kepada Menteri Hal Ehwal Ugama untuk dipersembahkan kepada Sultan Brunei Darussalam. Hakim Mahkamah Tinggi Syariah diberikan autoriti untuk mengumumkan tarikh permulaan puasa atau hari raya di dalam stesen televisyen terlibat yang telah dilaksanakan dan telah diperkenankan oleh Sultan Brunei kepada masyarakat di negara Brunei Darussalam. Namun demikian, bagi bulan-bulan tidak rasmi iaitu selain bulan Ramadan, Syawal dan Zulhijah, proses cerapan anak bulan ini tidak melibatkan Jabatan Mufti Brunei dan Mahkamah Tinggi Syariah tetapi hanya jabatan ukur sahaja yang terlibat. Lokasi cerapan hilal di Brunei bagi bulan-bulan rasmi iaitu Ramadan, Syawal dan Zulhijah adalah melibatkan lima tempat sahaja iaitu Menara Bangunan Ibu Pejabat DST, Taman Rekreasi Tanjung Batu dan Bukit Agok di daerah Brunei-Muara, manakala Bukit Ambog di daerah Tutong dan Bukit Lumut di daerah Belait. Manakala bagi bulan-bulan tidak rasmi di tiga tempat iaitu Bukit Ambog, Bukit Lumut dan Taman Rekreasi Tanjung Batu, serta dibuka kepada orang ramai.

#### **iv. Singapura**

Singapura sebuah negara minoriti Islam yang berada dalam negara-negara MABIMS juga mempunyai kaedah dan cara sendiri dalam aktiviti cerapan anak bulan semenjak dulu lagi. Singapura telah mengakui bahawa kaedah *Imkān al-Ru'yah* adalah kaedah yang diguna semenjak tahun 1990-an<sup>53</sup> sehingga sekarang dan ianya sesuai untuk iklim dan geografi Singapura. Selain teknologi yang berkembang pesat, kaedah ini menjadi pra penentuan tarikh Puasa dan Hari Raya Aidilfitri di Singapura. Rekod di Singapura melaporkan semenjak tahun 1924 aktiviti cerapan anak bulan telah dilakukan<sup>54</sup>. Orang terawal yang melakukan aktiviti cerapan rasmi di Singapura ialah Kadi Singapura iaitu Imam Haji Muhammad Yusuf bin Haji Muhammad Said yang dilakukan di Mount Faber dan Fort Canning<sup>55</sup>.

Sebelum kaedah ini digunapakai, Singapura menggunakan hisab sepenuhnya pada tahun 70-an. Dakwaan bahawa Singapura tidak mahu mengubah tarikh Hari Raya Aidilfitri jika negara jiran melihat anak bulan adalah salah. Hal ini kerana Singapura beranggapan kaedah *Imkān al-Ru'yah* yang dipakai sekarang adalah tepat berdasarkan kiraan hisab yang dilakukan. Perubahan boleh terjadi sekiranya terdapat bukti saintifik dan pemerhatian yang konkrit yang membatalkan maklumat yang ada pada masa itu. Untuk waktu sekarang, Singapura tidak akan mengikut mana-mana kenampakan di negara lain memandangkan Singapura mempunyai kuasa autonomi untuk berbuat demikian<sup>56</sup>.

Pada 2022 *The Star* melaporkan Singapura menyambut hari Raya Aidilfitri pada hari Selasa dan tidak sama dengan negara tetangga adalah kerana mengikut perkiraan astronomi, anak

---

<sup>53</sup> Pengakuan ini disampaikan oleh Delegasi Singapura Faridaus Yahya ketika memberikan prakata dalam pembukaan Muzakarah Rukyah dan Takwim Islam Negara Anggota MABIMS yang diselenggarakan di Jakarta. Rujuk Kementerian Agama Republik Indonesia, "Delegasi Singapura: Kriteria Imkanur-Rukyah Kurangi Perbedaan Di Singapura," dicapai Mac 25, 2024, <https://www.kemenag.go.id/nasional/delegasi-singapura-kriteria-imkanur-rukya-kurangi-perbedaan-di-singapura-119k40>.

<sup>54</sup> Office of the Mufti, ed., *Navigating Tradition and Science Singapore's Approach in Determining the Hijri Calendar* (Singapore: Islamic of Religious Council of Singapore (MUIS), 2023).8

<sup>55</sup> Ibid.8

<sup>56</sup> Office of the Mufti, *Navigating Tradition and Science Singapore's Approach in Determining the Hijri Calendar*.

bulan bagi Syawal tidak muncul pada waktu petang selepas matahari terbenam pada Hari Ahad. Bulan sabit juga tidak dapat dilihat. Justeru mufti Singapura Nazirudin Mohd Nasir mengumumkan 1 Syawal jatuh pada hari Selasa bersamaan 3 Mei 2022 M.<sup>57</sup>

Jadual 1.2: Ringkasan Jadual Maṭla' al-Hilal Menurut Pandangan Ahli Falak di Negara Anggota MABIMS



### Kaedah Pelaksanaan Awal Bulan Hijri di Negara-negara Anggota MABIMS

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) melalui Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, dengan kerjasama Jabatan Mufti Negeri Sembilan, telah berjaya menganjurkan Muzakarah Rukyah dan Takwim Islam Negara Anggota MABIMS pada 2 hingga 4 Ogos 2016 di Klana Beach Resort, Telok Kemang, Port Dickson, Negeri Sembilan. Muzakarah ini dihadiri oleh wakil-wakil delegasi dari Brunei, Indonesia, Malaysia, dan Singapura serta ahli Panel Pakar Falak Jakim. Sahibus Samahah Mufti Wilayah Persekutuan, Negeri Sembilan, Pahang, Kedah, Sabah, Sarawak, dan pegawai Falak yang mewakili jabatan mufti negeri masing-masing turut hadir. YBhg. Tan Sri Dato' Haji Othman bin Mustapha, Ketua Pengarah JAKIM, mempengerusikan muzakarah ini sepanjang berlangsungnya.<sup>58</sup>

Penganjuran muzakarah kali ini bertujuan untuk:

1. Menyemak semula Kriteria *Imkān al-Rukyah* yang digunakan oleh negara anggota MABIMS dalam penentuan takwim Hijri dan awal bulan Hijri.
2. Melakukan cerapan hilal bersama di kalangan negara anggota MABIMS.
3. Melaksanakan penilaian terhadap Takwim Standard MABIMS.

Majlis perasmian muzakarah ini telah disempurnakan oleh YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B), selaku Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada ketika itu dan turut disaksikan oleh Dato' Sri Syed Danial bin Syed Ahmad, selaku Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja.

Muzakarah ini menyaksikan pembentangan empat kertas kerja. Kertas kerja utama bertajuk "Penambahbaikan Kriteria Imkanur Rukyah MABIMS" disampaikan oleh wakil delegasi setiap negara. Tiga kertas kerja lain yang turut dibentangkan ialah:

1. Pengimejan Hilal Menurut Perspektif Syarak

<sup>57</sup> The Star, "Mufti's Office Explains Why Singapore Muslims Celebrate Hari Raya on Tuesday, Unlike Others in the Region," dicapai Mac 25, 2024, <https://www.thestar.com.my/aseanplus/aseanplus-news/2022/05/02/mufti039s-office-explains-why-singapore-muslims-celebrate-hari-raya-on-tuesday-unlike-others-in-the-region>.

<sup>58</sup> JAKIM Bahagian Penyelidikan, "Muzakarah Rukyah Dan Takwim Islam Negara Anggota MABIMS Tahun 2016," dicapai Jun 10, 2024, <https://www.islam.gov.my/ms/berita/1053-muzakarah-rukayah-dan-takwim-islam-negara-anggota-mabims-tahun-2016>.

2. Penilaian Terhadap Takwim Standard MABIMS
3. Kajian Takwim Hijri Global

Hasil muafakat bersejarah ini menyaksikan termeterai satu Ad-Referendum persefahaman dalam Pertemuan Tahunan Tidak Rasmi Menteri-menteri Agama Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Singapura (MABIMS) dengan persetujuan Imkanur Rukyah Baharu MABIMS pada 8hb Disember 2021 dan mengesahkan bagi pelaksanaan Kriteria Imkanur Rukyah dengan tinggi 3° dan elongasi 6.4° untuk dilaksanakan pada tahun 2021 M bersamaan 1443 H atau tertakluk kepada kesediaan setiap negara anggota untuk mengimplementasikannya.<sup>59</sup>

Kriteria baru ini dipinda bagi mendapatkan satu nilai ijtihad dan muafakat bersama dalam menjalin hubungan yang baik antara negara. Sungguhpun semua negara telah menyetujuinya tetapi di dalam ad-referendum tersebut terlebih dahulu memberi kebebasan kepada setiap negara anggota untuk melaksanakannya atau pun tidak. Pada tahun 2022 M, terjadi suatu keadaan yang tidak terduga apabila anggota negara MABIMS memulakan hari raya pada Tarikh yang berlainan dalam kalendar Hijri. Hal ini kerana kenampakan anak bulan pada tahun tersebut tidak seperti yang ditandatangani bersama. Polemik ini seterusnya membawa kepada kancas sosial masyarakat yang perlu memulakan aktiviti ibadah mereka pada tahun tersebut iaitu ibadah menyambut Hari Raya Aidilfitri.

Perlu difahami kenampakan anak bulan bukan kerana kriteria semata-mata, tetapi ianya agak rumit kerana melibatkan pelbagai faktor termasuk jarak kedudukan bulan dari matahari relatif kepada ufuk, kecerahan bulan dengan kecerahan langit, kepekaan mata, keadaan atmosfera dan faktor psikologi. Justeru ia melibatkan ilmu syariah, astronomi, meteorologi dan psikologi.<sup>60</sup> Selain itu, faktor *maṭla'* juga perlu diambil kira agar sempadan antara negara dapat disepakati dalam permulaan Ramadan dan Syawal.

## KESIMPULAN

Setelah meneliti kesemua pandangan responden di atas, pengkaji mendapati terdapat jalan keluar di rantau melayu ini untuk jadikan satu keluasan *maṭla'* bersama-sama dalam isu menyambut awal Ramadan dan Hari Raya. Pengkaji dapati ianya boleh dilaksanakan dan disimpulkan dalam cadangan berikut:

### 1. *Maṭla'* Serantau (*Maṭla'* MABIMS)<sup>61</sup>

*Maṭla'* serantau adalah *maṭla'* untuk negara-negara yang berada dalam lingkungan negara-negara ASEAN yang berdekatan garisan khatulistiwa. Kebanyakan penulis di Indonesia menggunakan istilah *maṭla' regional*. Thomas Djamaluddin dalam penulisannya juga membawa konsep *maṭla'* MABIMS adalah merujuk kepada *maṭla' regional*<sup>62</sup>. *Maṭla'* MABIMS mempunyai kriteria tersendiri<sup>63</sup> dalam mencerap anak bulan. *maṭla'* ini boleh diaplikasi dalam kawasan serantau

---

<sup>59</sup> Mohd Saiful Anwar Mohd Nawawi, *Anak Bulan Syawal: Monograf Penentuan Aidilfitri 1443/2022*.13

<sup>60</sup> Ibid.14

<sup>61</sup> Merujuk kepada kesepakatan negara menggunakan Kriteria Imkanur Rukyah (2,3,8) dan terbaru Kriteria Imkanur Rukyah (3, 6.4).

<sup>62</sup> T. Djamaluddin, "Unifikasi Kalender Islam Nasional, Regional, Dan Global Mudah, Asal Mau Bersepakat," dicapai 1 Ogos 2012, <https://tdjamaluddin.wordpress.com/2012/08/01/unifikasi-kalender-islam-nasional-regional-dan-global-mudah-asal-mau-bersepakat/>.

<sup>63</sup> Sungguhpun MABIMS mempunyai kriteria tersendiri, tetapi negara-negara serantau tidak terikat dengan kriteria tersebut. Susiknan Azhari dalam penulisannya di ruangan opini menyatakan ianya digunakan sebagai pengawal

kerana terdapat kesepakatan antara negara terlibat dalam jalinan kenegaraan menerusi platform pertemuan tidak rasmi antara Menteri-menteri agama di empat buah negara iaitu Malaysia, Indonesia, Brunei Darussalam, dan Singapura.

Pada tahun 2019 menerusi pertemuan tahunan tidak rasmi kali ke-44 Menteri-Menteri Agama negara terlibat telah menandatangani satu referendum bersama untuk menggunakan kriteria *imkān al-ru'yah* baharu MABIMS dengan piawai tinggi 3° dan elongasi 6.4° pada tahun 2021 M bersamaan 1443 H<sup>64</sup>. Kesepakatan negara-negara terbabit adalah melalui kriteria, namun tiada kesepakatan dari segi *maṭla'*. Sungguhpun tiada istilah khusus *maṭla'* MABIMS ini tetapi pengkaji menyimpulkan *maṭla'* sebagai suatu dorongan pelaksanaan *maṭla'* serantau kerana di samping kriteria, kita juga berada berdekatan antara negara, mempunyai iklim yang sama dan mengamalkan mazhab fiqh yang sama.

## 2. *Maṭla' Wilāyah al-Ḥukmi*

*Maṭla' Wilāyah al-Ḥukmi* boleh dijadikan sandaran untuk negara-negara sekitar ASEAN menggunakan kaedah hukum seperti ini. Kaedah ini boleh dilaksanakan dengan syarat semua negara-negara berdekatan bersetuju untuk melaksanakannya bersama-sama dalam isu permulaan Ramadan dan Hari Raya ini.

Setiap negara mempunyai keluasan kawasan *maṭla'* yang tersendiri. Namun bagi memastikan amalan permulaan Ramadan dan menyambut Syawal di rantau ini dapat dilakukan bersama-sama, suatu jalan keluar perlu dicari bersama negara anggota MABIMS bagi mereliasasikan ad-referendum yang telah ditandatangani bersama oleh negara-negara anggota MABIMS. Oleh itu pengkaji berpandangan Indonesia berhak dijadikan tempat rujukan *maṭla'* paling akhir kerana kedudukan terakhir anak bulan akan berada di sebelah barat.

## BIBLIOGRAFI

- Abū Zakariya Muhyī al-Dīn Yaḥyā Bin Syarf al-Nawāwī. *Kitāb Minhāj Al-Ṭālibīn Wa Umdatul Al-Muḥtājīn Fi Al-Fiqh*. Edited by 'Audh Qasim Ahmad 'Audh. C. 1. Dar al-Fikr, 2005.
- Ahmad Syiful Anam. (Kepala Planetarium dan Observatorium UIN Walisongo) (2023). "Al-Maany.Com." Accessed May 27, 2021. <https://www.almaany.com/ar/dict/ar-ar/المطلع/>.
- al-Sayyid Sabiq. *Fiqh Al-Sunnah*. Cet. 5. Beirut: Dar al-Fikr Li Attiba'ah Wa al Nasyr Wa al Tauziq, 1971.
- Atmanto, Nugroho Eko. "Implementasi Matlak Wilayahul Ḥukmi Dalam Penentuan Awal Bulan Kamariah (Perspektif Nahdlatul Ulama Dan Muhammadiyah)." *Elfalaky: Jurnal Ilmu Falak* 1, no. 1 (2017): 45–60.
- Awang Haji Khairul Abidin bin Haji Sulaiman. *Juruukur di Bahagian Geodetik, Kementerian Pembangunan Brunei* (2024).
- Azhari bin Mohamed. "Bagaimana Tarikh Awal Puasa Dan Raya Ditentukan Di Malaysia Dalam Program Hari Juruukur Sedunia @GSD 2024." Accessed March 24, 2024.

---

perundingan dan kesepakatan yang dihasilkan MABIMS. Susiknan Azhari, "Neo-Visibilitas Hilal MABIMS," *Opini*, 2022, [https://www.republika.id/posts/25415/neo-visibilitas-hilal-mabims?fbclid=IwAR2iEAlbDA-RfdwObY-D-cf3vHdFJHOvenY2QgIx73EU5VUFVybO05fk\\_dg](https://www.republika.id/posts/25415/neo-visibilitas-hilal-mabims?fbclid=IwAR2iEAlbDA-RfdwObY-D-cf3vHdFJHOvenY2QgIx73EU5VUFVybO05fk_dg).

<sup>64</sup> Mohd Saiful Anwar Mohd Nawawi, ed., *Anak Bulan Syawal: Monograf Penentuan Aidilfitri 1443/2022* (Kuala Lumpur: PersatuanJurufalak Syarie, 2022).13

- <https://www.facebook.com/100064894711892/videos/426236393219064>.
- Azhari, Susiknan. “Neo-Visibilitas Hilal MABIMS.” *Opini*, 2022. [https://www.republika.id/posts/25415/neo-visibilitas-hilal-mabims?fbclid=IwAR2iEAIbDA-RfdwObY-D-cf3vHdFJHOvenY2QgIx73EU5VUFVybO05fk\\_dg](https://www.republika.id/posts/25415/neo-visibilitas-hilal-mabims?fbclid=IwAR2iEAIbDA-RfdwObY-D-cf3vHdFJHOvenY2QgIx73EU5VUFVybO05fk_dg).
- Bahagian Penyelidikan Jakim. “Majlis Perasmian Pengisytiharan Pulau Perak Sebagai Titik Rujukan Paling Barat Malaysia Bagi Hitungan Kalendar Islam & Pelancaran Bulan Falak Malaysia.” Accessed March 24, 2024. <https://www.islam.gov.my/ms/berita/3260-majlis-perasmian-pengisytiharan-pulau-perak-sebagai-titik-rujukan-paling-barat-malaysia-bagi-hitungan-kalendar-islam-pelancaran-bulan-falak-malaysia>.
- Bahagian Penyelidikan, JAKIM. “Muzakarah Rukyah Dan Takwim Islam Negara Anggota MABIMS Tahun 2016.” Accessed June 10, 2024. <https://www.islam.gov.my/ms/berita/1053-muzakarah-rukyah-dan-takwim-islam-negara-anggota-mabims-tahun-2016>.
- Berita Harian. “Titik Rujukan Takwim Dinama Tanjung Atiam.” Accessed March 24, 2024. <https://www.jupem.gov.my/v1/wp-content/uploads/2016/07/berita-harian13.06.05b6titik-rujukan-taqwim-dinama-tanjudun.pdf>.
- E.J Brills. “Al-Matla’.” Accessed May 28, 2021. [https://referenceworks.brillonline.com/entries/encyclopaedia-of-islam-2/al-matla-SIM\\_5039?s.num=2&s.f.s2\\_parent=s.f.cluster.Encyclopaedia+of+Islam&s.q=matla](https://referenceworks.brillonline.com/entries/encyclopaedia-of-islam-2/al-matla-SIM_5039?s.num=2&s.f.s2_parent=s.f.cluster.Encyclopaedia+of+Islam&s.q=matla).
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. *Garis Panduan Cerapan Hilal*. Wilayah Persekutuan: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2019.
- Jabatan Penerangan Malaysia. “Malaysia 2017.” Accessed March 24, 2024. [https://dbook.penerangan.gov.my/dbook/dmdocuments/malaysia\\_2017/files/basic-html/page64.html](https://dbook.penerangan.gov.my/dbook/dmdocuments/malaysia_2017/files/basic-html/page64.html).
- “Kamus Besar Bahasa Indonesia.” Accessed May 27, 2021. <https://kbbi.web.id/matlak>.
- Kementerian Agama Republik Indonesia. “Delegasi Singapura: Kriteria Imkanur-Rukyat Kurangi Perbedaan Di Singapura.” Accessed March 25, 2024. <https://www.kemenag.go.id/nasional/delegasi-singapura-kriteria-imkanur-rukyat-kurangi-perbedaan-di-singapura-119k4o>.
- KH. Ismail Fahmi. Kasubdit Hisab Rukyat, Kemenag RI (2023).
- Ma’rufin Sudibyo. Wakil Sekretaris LF PBNU (2023).
- Meri Fitri Yanti. “Pendapat Empat Mazhab Tentang Mathla’ Dalam Penentuan Awal Bulan Hijriah.” Institut Agama Islam Negeri Raden Intan, 2017. [http://repository.radenintan.ac.id/476/1/Skripsi\\_pdf\\_TT.pdf](http://repository.radenintan.ac.id/476/1/Skripsi_pdf_TT.pdf).
- Mohd Saiful Anwar Mohd Nawawi, ed. *Anak Bulan Syawal: Monograf Penentuan Aidilfitri 1443/2022*. Kuala Lumpur: PersatuanJurufalak Syarie, 2022.
- Mohd Saiful Anwar Mohd Nawawi, .et.all. “Sejarah Kriteria Kenampakan Anak Bulan Di Malaysia.” *Jurnal Al-Tamaddun* 10, no. 2 (2015): 61–75.
- Office of the Mufti, ed. *Navigating Tradition and Science Singapore’s Approach in Determining the Hijri Calendar*. Singapore: Islamic of Religious Council of Singapore (MUIS), 2023.
- Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor. “Pandangan Hukum Syarak; Penentuan Kadar Dua Marhalah, Qaryah Dan Balad Dari Perspektif Fiqh Semasa 2021.” Accessed January 5, 2022. <https://www.muftiselangor.gov.my/fatwa-personalisation/fatwa-tahunan/keputusan-fatwa-xwarta/2016/1138-pandangan-hukum-syarak-penentuan-kadar-dua-marhalah-qaryah-dan-balad-dari-perspektif-fiqh-semasa>.
- Rosyadi, Imron. “Matlak Global Dan Regional (Studi Tentang Keberlakuan Rukyat Menurut Fikih

- Dan Astronomi).” In *Conference Proceeding Annual International Conference of Islamic Studier XII*, 2515–17. Accessed April 22, 2021. [http://digilib.uinsby.ac.id/7545/1/Buku\\_6\\_Fix\\_2.pdf](http://digilib.uinsby.ac.id/7545/1/Buku_6_Fix_2.pdf).
- S.Farid Ruskanda et.all. *Rukyah Dengan Teknologi: Upaya Mencari Kesamaan Pandangan Tentang Penentuan Awal Ramadhan Dan Syawal*. Cet. 1. Jakarta: Gema Insani Press, 1994.
- Sharifah Shazwani Syed Mohamed dan Ibnor Azli Ibrahim. “Definisi Rukyah Berdasarkan Analisis Kenampakan Hilal Ramadan Dan Syawal Di Negara Brunei Darussalam.” *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 6, no. 2 (2023).
- Sirāj al-Dīn Abū Hafs ‘Umar bin ‘Ali bin Aḥmad. *Kitāb ‘Ajālatu Al-Muḥtāj Ila Taujīḥ Al-Minhāj*. J. 2. Irbid, Urdu: Dar al-Kitab, 2001.
- Slamet Hambali. Pengajar Falak di Universitas Islam Negeri (UIN) Walisongo (2023).
- Syams al-Dīn Muḥammad bin Muḥammad al-Khaṭīb al-Syarbainī. *Kitāb Mughnī Al-Muḥtāj Ila Makrifati Maānī Alfāz Al-Minhāj*. Edited by Ali Muhammad Muawwidh-Adil Ahmad Abd al-Maujud. J. 2. Dar al-Kutub al-Ilmiyah, 1994.
- T. Djamaluddin. “Unifikasi Kalender Islam Nasional, Regional, Dan Global Mudah, Asal Mau Bersepakat.” *ogos*, 2012. <https://tdjamaluddin.wordpress.com/2012/08/01/unifikasi-kalender-islam-nasional-regional-dan-global-mudah-asal-mau-bersepakat/>.
- The Star. “Mufti’s Office Explains Why Singapore Muslims Celebrate Hari Raya on Tuesday, Unlike Others in the Region.” Accessed March 25, 2024. <https://www.thestar.com.my/aseanplus/aseanplus-news/2022/05/02/mufti039s-office-explains-why-singapore-muslims-celebrate-hari-raya-on-tuesday-unlike-others-in-the-region>.
- Thomas Djamaluddin. Profesor Riset Astronomi dan Astrofisika Badan Riset dan Inovasi Nasional (BRIN) Indonesia (2023).